

09/02/2002

Hari Kerjaya UKM berjaya capai matlamat

HARI Kerjaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-20 yang berlangsung di Kampus UKM Bangi, Selangor, baru-baru ini mencapai matlamat membantu pelajar mengenali dunia pekerjaan dengan lebih dekat.

Pengarah program itu, Muhd Nazrin Muhd Noor berkata, lebih 40 syarikat tempatan dan multinasional serta agensi kerajaan yang menyertai pameran tiga hari itu membuktikan komitmen majikan terhadap bakal pekerja.

Selain itu, kesediaan beberapa syarikat seperti Proton yang menjadi penaja utama, Tenaga Nasional, Puncak Niaga dan Virtual Malaysia sebagai penaja bersama seolah-olah satu ganjaran untuk penganjur.

Sebagai penaja utama, Proton memberi sumbangan RM15,000 manakala penaja bersama yang lain RM5,000.

Beliau berkata, program itu adalah hasil inisiatif dan kelolaan pelajar UKM sepenuhnya dan Sekretariat Hari Kerjaya UKM ke-20 mengendalikan semua urusan daripada protokol dan pemasaran hingga kepada publisiti dan jamuan.

Malah, katanya, kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan program itu menjadi pendorong semangat kepada pelajar UKM untuk terus berusaha gigih menjayakan aktiviti berkenaan.

Antara syarikat yang menyertai Hari Kerjaya itu ialah Malaysia Borneo Finance, Shell, Great Eastern Life, Hong Leong Assurance, Perodua, Bank Simpanan Nasional, OCBC, Samsung, HPA, Badan Pencegah Rasuah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Tenaga Rakyat dan Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Selain pameran, program berkenaan juga membabitkan Simposium Kerjaya, Taklimat Kerjaya dan temu duga terbuka.

(END)